

04/12/1997

Penggunaan Eleksuria disokong

KUALA LUMPUR, Rabu - Orang ramai di sekitar ibu kota menyokong penggunaan kereta elektrik negara `Eleksuria' kerana ia sesuai dengan konsep mesra alam di samping merealisasikan usaha kerajaan dalam kempen beli barangan tempatan.

Berita Harian yang membuat tinjauan di sekitar ibu kota semalam, mendapati ramai menyokong penggunaan Eleksuria.

Menurut Noor Liza Maamun, 36, setiausaha bank, projek kereta elektrik ini membuktikan negara setanding dengan negara maju dalam industri automobil.

"Keupayaannya menggunakan 50 peratus komponen tempatan membuktikan kesungguhan kerajaan menggalakkan penggunaan bahan tempatan," katanya.

Kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan kereta elektrik pertama negara jenis buggy yang berkonsepkan mesra alam di Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Bangi.

Ia dihasilkan oleh Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (POEM); sebuah anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan usahasama Frazee-Nash Research Ltd (FN), dari United Kingdom.

Rohani Saari, 47, kakitangan kerajaan, pula menyifatkan Eleksuria bukti kepada dunia bahawa Malaysia sudah berada di hadapan dalam industri automobil.

"Konsep mesra alam itu juga bererti negara kita prihatin dengan masalah alam sekitar yang makin tercemar.

"Eleksuria juga mampu mengurangkan pergantungan bahan bakar seperti diesel dan petrol yang tiada gantian berbanding elektrik yang boleh dijana semula," katanya.

Bagi kerani bank, Azmi Ismail, 45, rakyat perlu memberi sokongan terhadap pelancaran Eleksuria kerana kos pengeluarannya murah.

"Saya menyokong langkah kerajaan melancarkan Eleksuria kerana ia boleh menggalakkan lagi perkembangan industri automobil negara," katanya.

Menurut Norhasnida Ahmad, 28, kerani di syarikat swasta, pelancaran Eleksuria membawa negara selangkah lagi ke tahap menjadi negara maju menjelang 2020.

(END)